



JOHARI (tiga kiri) bersama isterinya, Datin Seri Zurwati Haslinda Zainal Bahry (kiri) beramah mesra dengan tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Titiwangsa di pekarangan Pintu Gerbang Kampung Bharu, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

JIKA TAK MAMPU SILA 'MENYERAH'

Johari bidas pemaju projek di Kampung Sungai Baru yang gagal laksana pembangunan semula sejak 6 tahun lalu

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Titiwangsa Datuk Seri Johari Abdul Ghani menegaskan supaya pemaju projek pembangunan di Kampung Sungai Baru di sini, yang tertangguh sejak enam tahun lalu untuk 'menyerah' jika tiada kemampuan.

Menurutnya, penangguhan projek pembangunan berkenaan sudah berlarutan menyebabkan hampir 200 penduduk di kawasan itu gagal mendapatkan unit yang dijanjikan selepas berpindah untuk memberi peluang kepada pembinaan projek.

Katanya, pihaknya kesal melihat kawasan di Sungai Baru yang bangunan ditinggal kosong dan menjadi tempat aktiviti tidak

sihat kerana dibiarkan tanpa pembinaan seperti dirancang.

"Saya mahu pembangunan (di kawasan berkenaan dilakukan mengikut) rancangan. Kalau dia (pemaju)

sudah tidak boleh buat, tiada kewangan saya cadangkan *surrender* (menyerah) tanah itu kepada agensi kerajaan yang lebih berwibawa untuk menyipakan projek berkenaan," katanya

pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Titiwangsa di pekarangan Pintu Gerbang Kampung Bharu, semalam.

Katanya, justeru, perkara berkenaan perlu diberi ke-

utamaan dan perhatian termasuk oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurutnya, beliau juga sudah berbincang dengan pihak pemaju selain mengakui pihak berkaitan juga sudah membantu termasuk kelulusan baki tanah bermasalah namun projek berkenaan

masih tertangguh.

"Jadi tiada sebab mahu tangguhkan pembangunan itu dan sudah 95 peratus penduduk berpindah, malah ia sudah enam tahun. Pemaju tak boleh (terus-

kan) pergi jumpa kerajaan, kita boleh cari pemaju (lain)," katanya.

Sebelum ini media melaporkan majoriti penduduk Kampung Sungai Baru mendesak kerajaan supaya meneruskan pembangunan semula kawasan itu yang tertangguh sejak enam tahun lalu.

Isu pengambilan tanah Kampung Sungai Baru membabitkan 67 unit rumah teres dan 14 blok pangsapuri dikenali sebagai Pangsapuri Sungai Baru dengan proses pengambilan tanah bermula sejak 2016.

Sementara itu, mengenai majlis berkenaan Johari berkata, majlis yang setiap tahun dianjurkan di Kampung Bharu itu mempunyai simbolik tersendiri kerana ia adalah pegangan Bumiputera terbesar di Kuala Lumpur dan menjangkakan lebih 20,000 orang ramai hadir memerah majlis itu.

"Tiada sebab mahu tangguhkan pembangunan itu dan sudah 95 peratus penduduk berpindah, malah ia sudah enam tahun. Pemaju tak boleh (teruskan) pergi jumpa Kerajaan, kita boleh cari pemaju (lain)"